



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KEBERKESANAN KEPIMPINAN TEMPATAN
DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN DESA
DI DAERAH KUDAT, SABAH**

ROMZI BIN ATIONG

FPP 2001 5

**KEBERKESANAN KEPIMPINAN TEMPATAN
DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN DESA
DI DAERAH KUDAT, SABAH**

ROMZI BIN ATIONG

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2001



**KEBERKESANAN KEPIMPINAN TEMPATAN
DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN DESA
DI DAERAH KUDAT, SABAH**

Oleh

ROMZI BIN ATIONG

**Tesis Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia**

Julai 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

KEBERKESANAN KEPIMPINAN TEMPATAN DALAM AKTIVITI PEMBANGUNAN DESA DI DAERAH KUDAT, SABAH

Oleh

ROMZI BIN ATIONG

Julai 2001

Pengerusi: Profesor Madya Hj. Turiman bin Suandi, Ph.D.

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini merupakan analisis terhadap persepsi penduduk kampung tentang tahap keberkesanan kepimpinan tempatan peringkat kampung dalam aktiviti pembangunan desa. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi penduduk kampung terhadap kejayaan kepimpinan tempatan peringkat kampung melaksanakan tugas mereka sebagai pemimpin, penerimaan penduduk terhadap kepimpinan tempatan peringkat kampung sebagai pemimpin mereka, kepuasan penduduk terhadap sikap kepimpinan tempatan peringkat kampung ke atas aktiviti pembangunan dan kepuasan penduduk kampung terhadap tahap penglibatan kepimpinan tempatan peringkat kampung dalam aktiviti pembangunan desa.

Kajian ini dijalankan di tiga kawasan pilihanraya Dewan Undangan Negeri di daerah Kudat, Sabah iaitu N.1 Banggi, N.2 Kudat dan N.4 Matunggong. Seramai 210 orang penduduk kampung dipilih secara rawak sebagai sampel bagi kajian ini. Data dikumpulkan melalui kaedah temubual

dengan menggunakan satu set borang soal selidik setelah mendapat kebenaran daripada kerajaan negeri Sabah dan Pegawai Daerah Kudat.

Keputusan yang diperolehi menunjukkan bahawa hampir semua (98.6 %) responden beranggapan bahawa tahap keberkesanan kepimpinan tempatan peringkat kampung dalam aktiviti pembangunan desa adalah lemah. Kajian ini juga mendapati bahawa 93.3 % daripada responden berpendapat bahawa kepimpinan tempatan peringkat kampung di Kudat tidak berjaya melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada mereka. Hanya separuh (51.4 %) daripada responden menerima kepimpinan tempatan peringkat kampung sebagai pemimpin mereka dalam aktiviti pembangunan desa. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa 59.0 % daripada responden tidak berpuashati terhadap sikap kepimpinan tempatan peringkat kampung ke atas aktiviti-aktiviti pembangunan yang dilaksanakan di kawasan mereka. Dari segi tahap penglibatan kepimpinan tempatan peringkat kampung dalam aktiviti pembangunan desa pula kajian ini mendapati bahawa dua pertiga (60.5 %) daripada responden tidak berpuashati.

Oleh itu, kerajaan negeri Sabah perlu melakukan beberapa tindakan meningkatkan taraf keberkesanan kepimpinan tempatan peringkat kampung seperti pendedahan kepada kursus-kursus asas pentadbiran awam, latihan peningkatan kemahiran merencana dan melaksanakan pelbagai aktiviti pembangunan, tambahan jumlah elauan bulanan dan penubuhan Jawatankuasa Penyelia untuk memantau kemahiran melaksanakan aktiviti

serta kesungguhan kepimpinan tempatan peringkat kampung memajukan taraf hidup penduduk di bawah naungan mereka.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

EFFECTIVENESS OF LOCAL LEADERSHIP IN RURAL DEVELOPMENT ACTIVITIES IN THE DISTRICT OF KUDAT, SABAH

By

ROMZI BIN ATIONG

July 2001

Chairman: **Associate Professor Hj. Turiman bin Suandi, Ph.D.**

Faculty : **Educational Studies**

This study is about an analysis of villagers' perception towards the effectiveness of village-level leadership in rural development activities. Specifically, the aims of the study were to: (a) determine villagers' perception towards the success of village-level leadership; (b) survey the level of villagers' acceptance towards village-level leadership as their leaders; (c) determine the villagers' satisfaction level towards the attitude of village-level leaders upon development activities; and (d) determine the level of villagers' satisfaction on village-level leaders participation in rural development activities.

These study were conducted in three State Assembly Constituencies in the district of Kudat, Sabah. They are N.1 Banggi, N.2 Kudat and N.4 Matunggong. Two hundred and ten villagers were randomly selected as the sample of this study. Data were collected through interviews by using a set of questionnaire after the researcher obtained permission from the Sabah State Government and Kudat District Officer.

The result of this study shows that almost all (98.6 %) of the respondents perceived that the effectiveness level of village-level leadership in rural development activities was low. This study also reveals that 93.3 % of the respondents felt that the village-level leaders in Kudat had not been successful in carrying out their duties. Only one half (51.4 %) of the respondents accepted the village-level leaders, as their leaders in rural development activities while 59.0 % of the respondents were not satisfied with the attitude of the village-level leaders towards the development activities in their area. About two third (60.5 %) of the respondents were not satisfied with the participation level of the village-level leaders in rural development activities.

Therefore, the Sabah State Government should take a few initiatives to increase the effectiveness of village-level leadership such as exposing them to basic courses in public administration, training them in planning and implementation skills to conduct development activities as well as increasing their monthly allowance. The government should also form a supervisory committee to monitor the implementation skills and commitment of the village-level leaders in increasing the standard of living among villagers under their responsibilities.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT di atas ketabahan dan kemampuan yang dikurniakannya sehingga kajian ini dapat disiapkan dalam jangka masa yang telah ditetapkan. Saya juga terhutang budi kepada mereka yang terlibat dalam semua peringkat kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Hj. Turiman bin Suandi selaku Pengurus Penyelia yang begitu sabar dan komited membimbing serta memberi tunjuk ajar dan idea-idea bernas pada setiap peringkat kajian ini. Penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih ini juga ditujukan kepada Professor Dr. Hj Rahim Md. Sail dan Dr. Khairuddin Idris selaku Ahli Jawatankuasa Penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar, nasihat, cadangan dan panduan yang amat berguna dalam usaha menyiapkan kajian ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada para penduduk kampung yang terlibat, para pemimpin di peringkat daerah mahu pun di peringkat kampung di Kudat, Sabah dan kakitangan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia yang terlibat dalam usaha menyempurnakan kajian ini atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Kepada ibu, bapa dan adik-beradik saya dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam proses menyiapkan kajian ini diucapkan setinggi-tinggi terima kasih di atas segala dorongan dan bantuan yang diberikan. Jasa baik kalian akan saya jadikan panduan dan ingatan sentiasa.

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vii
PENGESAHAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
 BAB	
1 PENGENALAN	1
Latar Belakang Masalah	7
Kenyataan Masalah	12
Objektif Kajian	13
Kepentingan Kajian	14
Batasan Kajian	15
2 SOROTAN LITERATUR	16
Pemimpin dan Kepimpinan	16
Ukuran Keberkesan Pemimpin	24
Kepimpinan Tempatan dan Peranannya dalam Pembangunan	33
Teori-teori Kepimpinan	40
Model-model Kepimpinan yang Berkesan	44
Pembangunan Desa	48
Pembangunan Desa dan Kaitannya dengan Kepimpinan	53
di Sabah	58
Rumusan	58
3 METODOLOGI	60
Rekabentuk Kajian	60
Kerangka Konsep	61
Angkubah Kajian	62
Lokasi Kajian	65
Populasi dan Persampelan Kajian	65
Alat Kajian	67
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	68
Prosedur Kajian	71
Analisis Data	74
Definisi Operasional	75
4 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	78
Maklumat Latar Belakang Responden	78
Keberkesan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung	83
dalam Aktiviti Pembangunan Desa	83
Kejayaan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung	89
Melaksanakan Tugas	89

Penerimaan Responden Terhadap Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung Sebagai Pemimpin dalam Aktiviti Pembangunan Desa	92
Kepuasan Responden Terhadap Sikap dan Tahap Penglibatan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung dalam Aktiviti Pembangunan Desa	97
5 RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN	106
Ringkasan Latar Belakang Masalah Kajian	106
Objektif Kajian	108
Metodologi Kajian	108
Ringkasan Hasil Kajian	111
Kesimpulan	112
Implikasi Hasil Kajian	113
Implikasi Teoritikal	114
Implikasi Praktikal	115
Cadangan untuk Kajian Akan Datang	118
Rumusan	119
BIBLIOGRAFI	120
LAMPIRAN-LAMPIRAN	127
A: Borang soal selidik	128
B: Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada Kerajaan Negeri Sabah	138
C: Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Kepada Kerajaan Negeri Sabah	139
D: Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Kepada Pegawai Daerah Kudat, Sabah	141
VITA	143

SENARAI JADUAL

	JADUAL	Muka surat
1	Nilai Reliabiliti Ujian Rintis dan Kajian Sebenar	69
2	Taburan Responden Mengikut Jantina	79
3	Taburan Responden Mengikut Kategori Umur	80
4	Taburan Responden Mengikut Taraf Perkahwinan	80
5	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	81
6	Taburan Responden Mengikut Kategori Jumlah Pendapatan	82
7	Taburan Responden Mengikut Daerah Mengundi DUN	83
8	Tahap Keberkesanan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung dalam Aktiviti Pembangunan Desa	85
9	Perbezaan Min Skor Keberkesanan Pemimpin	87
10	Tahap Keberkesanan Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK dalam Aktiviti Pembangunan Desa	88
11	Tahap Kejayaan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung Melaksanakan Tugas	90
12	Tahap Penerimaan Responden terhadap Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung Sebagai Pemimpin dalam Aktiviti Pembangunan Desa	93
13	Perbezaan Min Skor Penerimaan responden Terhadap Pemimpin	94
14	Tahap Penerimaan Responden terhadap Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK Sebagai Pemimpin dalam Aktiviti Pembangunan Desa	96
15	Tahap Kepuasan Responden terhadap Sikap di Kalangan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung ke-atas Aktiviti Pembangunan Desa	99
16	Perbezaan Min Skor Tahap Kepuasan Responden Terhadap Sikap Pemimpin Ke atas Aktiviti Pembangunan	100
17	Tahap Kepuasan Responden terhadap Sikap Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK ke-atas Aktiviti Pembangunan Desa	101

18	Tahap Kepuasan Responden terhadap Tahap Penglibatan di Kalangan Kepimpinan Tempatan Peringkat Kampung dalam Aktiviti Pembangunan Desa	102
19	Perbezaan Min Skor Tahap Kepuasan Responden Terhadap Tahap Penglibatan Pemimpin dalam Kativiti Pembangunan Desa	103
20	Tahap Kepuasan Responden terhadap Tahap Penglibatan Ketua Kampung dan Pengurus JKJK dalam Aktiviti Pembangunan Desa	104

SENARAI RAJAH

RAJAH		Muka surat
1	Daerah Kudat	3
2	Teori Kitaran Hidup Kepimpinan (Korman, 1971)	43
3	Path-Goal Model (House, 1971)	47

BAB 1

PENGENALAN

Kudat merupakan sebuah daerah yang terletak di sebelah utara di negeri Sabah (lihat Rajah 1). Terdapat sebatang jalan raya berturap sejauh 238 kilometer yang menghubungkan daerah ini dengan Bandaraya Kota Kinabalu. Manakala kawasan-kawasan kampung pula dapat dihubungi dengan adanya jalan raya tidak berturap dan juga dengan menggunakan perkhidmatan bot (khususnya di daerah kecil Banggi). Daerah ini juga mempunyai sebuah lapangan atau landasan kapal terbang kecil bagi memudahkan kapal-kapal terbang kecil yang pada kebiasaannya hanya mempunyai muatan tidak lebih daripada 30 orang penumpang mendarat.

Pada dasarnya daerah ini mempunyai tiga kawasan mengundi bagi Dewan Undangan Negeri dan dua kawasan mengundi bagi Parlimen. Dengan itu terdapat tiga Ahli Dewan Undangan Negeri dan dua Ahli Dewan Rakyat di daerah ini. Daerah yang terbahagi kepada tiga kawasan mengundi bagi Dewan Undangan Negeri iaitu N.1 Banggi, N.2 Kudat dan N.4 Matunggong ini diletakkan di bawah pentadbiran pemimpin peringkat daerah iaitu seorang Pegawai Daerah dengan dibantu oleh Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pentadbiran) dan Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan).


Daerah ini juga mempunyai sejumlah 201 buah kampung yang berdaftar. Sebanyak 34 buah kampung daripada jumlah tersebut terletak di kawasan N.1 Banggi, 77 buah kampung terletak di kawasan N.2 Kudat dan 90 buah kampung terletak di kawasan N.4 Matunggong (Pejabat Daerah, 1997). Pada masa kini di setiap kampung tersebut wujud dua jenis

pemimpin iaitu pemimpin jenis formal dan pemimpin jenis bukan formal. Pemimpin jenis formal iaitu jawatan yang dilantik oleh kerajaan negeri terdiri daripada Ketua Kampung dan Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (Pengerusi JKKK). Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa buah kampung yang tidak mempunyai Ketua Kampung dan Pengerusi JKKK atau salah satu daripadanya. Menurut Pejabat Daerah Kudat (1997) terdapat sejumlah 34 orang Ketua Kampung dan 34 orang Pengerusi JKKK di N.1 Banggi, 56 orang Ketua Kampung (21 orang Ketua Kampung belum dilantik) dan 74 orang Pengerusi JKKK (3 orang Pengerusi JKKK belum dilantik) di N.2 Kudat dan 78 orang Ketua Kampung (12 orang Ketua Kampung belum dilantik) dan 89 orang Pengerusi JKKK (1 orang belum dilantik) di N.4 Matunggong. Secara keseluruhannya para penjawat jawatan Ketua Kampung hanya berpendidikan setakat sekolah rendah dan adakalanya masih buta huruf serta serba kekurangan dari segi pemilikan harta benda. Ini berbeza dengan para penjawat jawatan Pengerusi JKKK yang secara keseluruhannya berpendidikan setakat sekolah menengah dan boleh membaca dan menulis dengan baik serta mempunyai taraf hidup yang sederhana.

Pemimpin jenis tidak formal pula terdiri daripada ketua agama (imam, ketua gereja), pengurus atau ketua persatuan belia dan ketua-ketua cawangan bagi parti-parti politik tempatan. Justeru itu, urusan mentadbir hal ehwal penduduk kampung diterajui oleh Ketua Kampung dengan dibantu bersama oleh Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung dan pemimpin-pemimpin jenis tidak formal. Dalam hal ini dapat disimpulkan bahawa sistem pentadbiran pada peringkat kampung di daerah ini agak unik kerana pada kebiasaannya di Semenanjung Malaysia mahu

pun di negeri Sarawak seorang Ketua Kampung juga merangkap Pengerusi bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Namun di daerah ini, seorang Ketua Kampung bukanlah seorang Pengerusi JKKK.

Selain itu, Ketua Anak Negeri, Wakil Ketua Anak Negeri dan Ketua Daerah juga turut serta membantu mentadbir pada peringkat daerah mahu pun pada peringkat kampung. Para pemimpin sama ada pemimpin parti politik, pemimpin pada peringkat daerah dan juga para pemimpin pada peringkat kampung ini merupakan individu atau kumpulan yang bertanggungjawab dalam usaha menjayakan matlamat pembangunan di daerah ini khususnya dalam usaha membangunkan kawasan luar bandar.



Rajah 1: Daerah Kudat

Dari segi keluasan kawasan pula, Jabatan Perangkaan Malaysia, Cawangan Sabah (1998) melaporkan bahawa daerah ini mempunyai kawasan yang agak luas iaitu 1,287 kilometer persegi di mana keluasan ini meliputi kawasan N.1 Banggi yakni seluas 270 batu persegi dan 220 batu persegi lagi meliputi kawasan N.2 Kudat dan N.4 Matunggong. Ini menunjukkan bahawa kawasan N. 1 Banggi atau Pulau Banggi mempunyai jumlah keluasan kawasan yang lebih besar berbanding gabungan bagi kawasan N. 2 Kudat dan N.4 Matunggong. Bentuk sebenar daerah ini ditunjukkan dalam Rajah 1.

Jumlah penduduk di daerah ini menurut banci penduduk pada tahun 1991 pula, adalah seramai 55,932 orang. Daripada jumlah tersebut terdapat sejumlah 21,861 orang adalah tinggal di kawasan bandar. Sementara itu 34,071 orang pula didapati tinggal di kawasan luar bandar.

Jumlah penduduk daerah ini pada tahun 1997 pula, Urusetia PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin), Pejabat Daerah Kudat (2000) melalui Pelan Tindakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin daerah Kudat, melaporkan bahawa terdapat sejumlah 65,999 orang mendiami daerah ini. Dari jumlah tersebut 70 % merupakan penduduk yang berada di kawasan luar bandar. Sementara sejumlah 30 % pula mendiami kawasan bandar. Selain dari didiami oleh warganegara yang terdiri dari pelbagai kaum yang meliputi suku kaum Rungus, Bajau, Murut, Melayu, Cina dan suku kaum lain, terdapat juga warganegara asing yang mendiami daerah ini. Sebahagian besar dari warganegara asing (pendatang tanpa izin) ini datangnya dari negara Filipina dan Indonesia.

Dari segi keadaan topografi pula, Kudat didapati sebagai sebuah daerah yang berbukit bukau. Sementara dari segi iklim, Perkhidmatan

Kajicuaca Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 1998), melaporkan bahawa daerah ini mengalami Suhu udara pada kadar 23.7 °C sehingga 31.2 °C dari tahun 1993 hingga pada tahun 1997. Dalam pada itu keadaan cuaca di daerah ini pada dasarnya didapati sebagai tidak menentu dan selalunya berlaku musim kemarau yang lebih lama berbanding musim hujan dalam tempoh setahun.

Sementara dari segi kegiatan ekonomi, penduduk di daerah ini terlibat dalam beberapa aktiviti ekonomi yang meliputi kegiatan pertanian, perniagaan dan perikanan. Urusetia PPRT (Program Pembangunan Rakyat Termiskin), Pejabat Daerah Kudat (2000) melaporkan bahawa terdapat sejumlah 39,599 orang (60 %) daripada jumlah penduduk daerah ini terlibat dengan kegiatan pertanian di mana didapati bahawa tidak ada ladang besar diusahakan. Jenis tanaman utama ialah kelapa sawit, kelapa dan tanaman kontan. Sejumlah 6,600 orang (10 %) pula terlibat dengan kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan dengan tanpa adanya kilang-kilang yang besar. Selebihnya iaitu 19,800 orang (30 %) pula terlibat dengan kegiatan perikanan di mana 90 % daripada nelayan di daerah ini merupakan nelayan tradisional yang masih tidak menggunakan peralatan yang moden serta hanya menjalankan kegiatan penangkapan ikan di persisiran laut sahaja.

Daerah ini juga merupakan salah sebuah daerah yang mempunyai agak ramai penduduk miskin di negeri Sabah. Urusetia PPRT, Pejabat Daerah Kudat (2000), melaporkan bahawa bilangan isirumah miskin di daerah Kudat pada tahun 1989 adalah seramai 2,507 orang (36.6 %). Bilangan isirumah termiskin pula adalah seramai 1,044 orang (15.2 %). Perangkaan rakyat termiskin di daerah Kudat (Pejabat Daerah Kudat, 2000) pada tahun 1995 menunjukkan jumlah yang agak ramai iaitu 4,500 orang.

Jumlah penduduk termiskin ini masih tetap pada jumlah yang sama pada tahun yang berikutnya iaitu pada tahun 1996 dan tahun 1997.

Dengan itu, beberapa aktiviti guna tanah seperti pembinaan rumah, penyediaan kemudahan awam dan pelbagai usaha pembangunan tanah berlaku di daerah ini. Getah ditanam di kawasan yang berbukit-bukau di beberapa kawasan seperti di Kampung Narandang dan Kampung Pinawantai. Kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan pula masih agak terhad khususnya di kawasan-kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun pada masa kini usaha menyediakan kemudahan elektrik dan paip air sama ada dengan menggunakan sistem graviti atau dengan menggunakan sistem penyediaan air yang lebih moden sedang giat dilaksanakan. Namun demikian di beberapa kawasan luar bandar yang menggunakan sistem air paip daya tarikan bumi (gravity), air tidak disalurkan di setiap rumah tetapi disediakan di beberapa tempat untuk digunakan oleh penduduk bagi tujuan domestik. Keadaan ini antara lain disebabkan oleh taburan perumahan yang berselerak dan menyukarkan penyediaan kemudahan paip air.

Dari segi pendidikan pula, beberapa buah sekolah rendah dan sekolah menengah serta sekolah TADIKA/TABIKA sama ada di kawasan luar bandar mahu pun di kawasan bandar telah didirikan bagi memberi kemudahan pendidikan kepada anak-anak penduduk di daerah ini. Dalam pada itu terdapat sejumlah lapan buah sekolah menengah di daerah ini dan dua daripadanya merupakan sekolah yang menyediakan kemudahan pendidikan sehingga ke peringkat tingkatan enam (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia). Selain itu, terdapat juga sebuah Sekolah Teknik (tingkatan 4 dan 5) di daerah ini yang menyediakan kemudahan pendidikan dalam bidang

teknikal. Manakala dari segi kemudahan kesihatan pula, terdapat sebuah Hospital, Klinik Pergigian dan beberapa Klinik Desa di daerah ini. Dalam masa yang sama, pihak swasta juga telah mendirikan beberapa buah klinik masing-masing di daerah ini. Keadaan ini meningkatkan lagi kemudahan penduduk untuk mendapatkan rawatan perubatan dan khidmat nasihat perubatan daripada doktor-doktor perubatan mengikut kehendak dan keperluan semasa. Walau bagaimanapun kemudahan-kemudahan yang ada ini masih belum mampu menampung keperluan penduduk khususnya penduduk di kawasan luar bandar di daerah ini.

Oleh itu, Kudat merupakan daerah yang masih agak ketinggalan dari segi pembangunan berbanding daerah-daerah lain di Malaysia. Dalam hal ini, usaha-usaha bagi membangunkan daerah ini perlu diperbanyakkan dan dilaksanakan secekap mungkin. Ini kerana pelaksanaan program pembangunan yang kurang cekap tidak akan mampu mengubah keadaan asal daerah ini yang masih kurang maju.

Latar Belakang Masalah

Pembangunan merupakan satu isu yang menjadi pokok perbincangan di kalangan penduduk di daerah Kudat. Ini kerana masyarakat di kawasan luar bandar di daerah ini memerlukan perancangan dan perlaksanaan program-program pembangunan bagi tujuan mempertingkatkan lagi kualiti hidup mereka dari satu masa ke satu masa yang berikutnya. Oleh itu program-program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak di Kudat adalah bertujuan meningkatkan lagi kualiti kehidupan rakyat dari satu tahap ke satu tahap yang lebih sempurna. Hakikat pembangunan juga pastinya menitikberatkan

proses peningkatan ekonomi yang diiringi perubahan ke-arah pembaikan dalam kualiti hidup dan pembasmian kemiskinan (Dahlan, 1989). Ini bermakna pembangunan di Kudat merupakan satu proses perubahan yang berterusan dan menyeluruh yakni meliputi aspek-aspek ekonomi, sosial dan kemanusiaan.

Bagi memperbaiki lagi taraf kehidupan yang menumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan taraf hidup penduduk dengan menangani masalah kemiskinan di kalangan penduduk di daerah ini maka Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Pusat sejak merdeka telah menekankan pelaksanaan projek-projek pembangunan seperti penyediaan kemudahan asas (jalan raya, perumahan, paip air, perkhidmatan elektrik) dan kemudahan-kemudahan lain yang antara lainnya meliputi sekolah, hospital, pejabat pos, kemudahan telefon, ruang perniagaan, program-program pembangunan pertanian, program-program penaiktarafan kegiatan perikanan dan penyediaan peluang pekerjaan.

Kerajaan Malaysia juga mahukan berlakunya pembangunan mengikut pendekatan yang selaras dengan kehendak rakyat sendiri. Justeru itu, Kerajaan Malaysia telah melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan lima tahun dan dasar-dasar pembangunan yang telah dikaji dan diluluskan oleh parlimen. Antara program-program pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia ialah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975), Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980), Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985), Rancangan Malaysia Kelima (1986-1990), Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995) dan Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000). Dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun tersebut, usaha pembangunan di